



## Analisis Makna dalam Puisi Panggilan-Mu yang Suci karya Rosli Dhoby

### Analysis of Meaning in *Panggilan-Mu yang Suci* by Rosli Dhoby

Nabillah Bolhassan<sup>1</sup>, Zul Hanis Yop Othman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>(Corresponding Author) Senior Lecturer, Centre for University Courses and Innovative Learning, University of Technology Sarawak, 96000 Sibu, Sarawak, Malaysia.

E-mail: [nabillah@uts.edu.my](mailto:nabillah@uts.edu.my)

<sup>2</sup> PhD Candidate, Faculty of Modern Language and Communication, University Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.

E-mail: [zhyo1991@gmail.com](mailto:zhyo1991@gmail.com)

#### Article Info

##### Article history:

Received: 07/05/2024

Accepted: 25/10/2024

Published: 30/10/2024

##### DOI:

<https://doi.org/10.33102/alazkiyaa96>

#### ABSTRAK

Kajian ini menganalisis makna dalam puisi 'Panggilan-Mu yang Suci' karya pejuang kemerdekaan negeri Sarawak iaitu Rosli Dhoby. Puisi merupakan satu karangan yang merungkai estetika pemikirnya melalui luahan, emosi dan imaginasi. Dalam puisi yang dihasilkan oleh nasionalis muda ini, beliau menyeru anak muda untuk bangkit memperjuangkan kemerdekaan tanah air daripada terus berada dalam belenggu penjajah. Kajian ini dijalankan secara analisis kandungan berdasarkan teori semantik. Hasil kajian mendapati puisi ini mengandungi makna kiasan, referensial, gramatikal dan leksikal. Menerusi puisi yang dihasilkan ini, jelas membuktikan bahawa cinta Rosli Dhoby terhadap tanah airnya sangat utuh, bukan sekadar diungkapkan melalui puisi ini malah dibuktikan apabila beliau sanggup berkorban nyawa demi menuntut kemerdekaan.

**Kata Kunci:** *semantik; puisi; nasionalis*

#### ABSTRACT

This study analyzes the ofpoem 'Panggilan-Mu yang Suci' by Rosli Dhoby, one of Sarawak independence fighters. Poetry is an essay that unravels the aesthetics of the thinker through expression, emotion, and imagination. In the poem written by this young nationalist, he called up young people to stand and fight for the independence of the homeland instead of continuing to be in the shackles of colonialism. This study

was carried out through content analysis and study analysis based on semantic theory. The results of the study found that this poem contains figurative, referential, grammatical, and lexical meanings. Through this poem, it is clearly proven that Rosli Dhoby's feeling for his homeland is very intact, not only expressed through this poem but also proven when he is willing to sacrifice his life for the sake of independence.

**Keywords:** *semantic; poem; nationalist*

## PENDAHULUAN

Puisi moden atau sajak ialah karangan yang disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat dan antara sekerat itu biasanya berjodoh bunyi, rentak dan isi serta kebanyakan menggunakan timbangan atau sukatan yang tertentu (Arbaie Sujud et.al, 2011). Menurut Za'ba seperti yang tercatat dalam buku Bimbingan Istilah Sastera (Rahman Shaari, 2001), pada dasarnya puisi atau karangan berangkap merupakan sesuatu yang khas dipakai untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah dan kecantikan bahasa. Za'ba turut mengatakan bahawa karangan berangkap itu ialah karangan yang disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat, dan antara sekerat dengan sekerat itu biasanya berjodoh bunyi atau rentaknya atau isinya, serta kebanyakan memakai timbangan atau sukatan yang tertentu.

Herman J. Waluyo (2002) mendefinisikan puisi sebagai satu karya sastera dengan bahasa yang disingkatkan namun padat serta diberi rima dengan bunyi yang padu dan terdiri daripada kata imaginatif. Manakala menurut Dede Siti Fatimah et.al (2019), puisi adalah ekspresi dari emosional jiwa. Katanya lagi, puisi juga merupakan karya sastera yang unik kerana terhasil daripada renungan atau dari hati penyairnya. Widiana Pardosi dan Tiflatul Husna (2021) berpendapat bahawa, puisi merupakan sebuah karya sastera yang boleh dikategorikan sebagai wacana yang utuh serta terdiri daripada bahasa yang dinamik. Manakala penggunaan bahasa dalam karya sastera menurutnya selari dengan perkembangan waktu.

Menurut Rachmat Djoko Pradopo (2010) puisi dapat dianggap sebagai salah satu idea yang boleh merangsang imaginasi manusia melalui penglihatan, pendengaran dan perasaan dalam susunan kata yang mempunyai irama. Siti Alpiyah dan Wikanengsih (2019) mendefinisikan puisi sebagai satu imaginasi, pengalaman yang berkesan terhadap ekspresi seseorang dengan menggunakan bahasa tidak langsung. Secara kesimpulannya dapat disimpulkan bahawa, puisi merupakan satu karangan yang mempunyai estetika bahasa pemikirnya yang lahir daripada luahan, emosi dan imajinasinya.

Makna dalam puisi dapat dianalisis dan dikaji dengan menggunakan teori semantik. Chaer berpendapat menerusi artikel tulisan Desih Pratiwi et. al (2018), semantik merupakan kajian linguistik yang mengkaji tentang makna dalam bahasa. Secara langsung, dengan ilmu semantik kita dapat mengkaji makna tersurat dan tersirat dalam sesebuah puisi yang dihasilkan. Menurut Nik Safiah dan rakan-rakan

(2011), semantik merupakan bidang yang mengkaji tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata.

Siti Hajar Abdul Aziz (2009) mendefinisikan semantik sebagai bidang yang mengkaji tentang aspek makna dalam bidang linguistik yang menganalisis makna dalam kata, morfem, frasa, ayat, dan wacana. Menurut Kamus Linguistik (1997) pula, semantik ialah satu sistem yang mengkaji tentang makna dalam bahasa. Istilah kuno bagi semantik ialah semasiologi dan sematologi. Dapatlah disimpulkan bahawa, semantik merupakan bidang yang mengkaji dan menganalisis makna kata dan juga ayat termasuklah yang berkaitan dengan lambang atau tanda yang menyatakan sesuatu makna serta hubungan antara makna dengan makna lain.

Dalam kajian ini, pengkaji tertarik untuk menganalisis makna dalam puisi Panggilan-Mu yang Suci karya Rosli Dhoby dengan menggunakan teori semantik. Kajian sebelum ini kebanyakannya hanya fokus kepada pengkajian makna untuk puisi ahli sastera mahupun penyair dan bukannya nasionalis seperti Rosli Dhoby yang merupakan seorang pejuang Sarawak yang lahir pada 1932. Pada ketika berusia 17 tahun, beliau telah menikam Gabenor Sarawak kedua iaitu Duncan George Stewart sehingga mati. Akibat daripada tindakan berani tersebut, Rosli Dhoby bersama tiga lagi rakannya yang terlibat iaitu Awang Rambli, Bujang Suntong dan Morshidi Sidek telah dihukum gantung sampai mati di Penjara Kuching pada Mac 1950. Rosli Dhoby disifatkan sebagai pejuang paling nekad dan anak Melayu yang berani, kerana hanya pada usia 17 tahun beliau cekal melakukan tindakan pembunuhan tersebut.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal makna dari aspek semantik dalam puisi Panggilan-Mu yang Suci.

## **METODOLOGI**

Data utama kajian ini adalah puisi Panggilan-Mu yang Suci karya Rosli Dhoby yang ketika itu menggunakan nama samaran Lidros. Puisi ini telah diterbitkan di Utusan Sarawak pada 28 Februari 1948 iaitu kira-kira setahun sebelum peristiwa berdarah di bumi Sibu berlaku. Rosli Dhoby menggunakan nama samaran ketika itu adalah bertujuan supaya tidak dikenali kerana ketika itu pihak British aktif memantau gerakan yang cuba melawan mereka. Dengan menggunakan kaedah deskriptif kualitatif, pengkaji akan menganalisis kandungan teks yang terdapat dalam puisi Panggilan-Mu yang Suci dengan menggunakan teori semantik.

Michael Breal, seorang ahli filologi Perancis merupakan orang pertama yang telah memperkenalkan perkataan semantics, iaitu pada 1983. Perkataan tersebut telah diperkenalkan dalam buku beliau yang bertajuk *Les Lois Intellectuelles du Language*. Semantik dapat difokuskan daripada beberapa aspek seperti perkataan, ayat, jenis makna, erti dan rujukan, perubahan makna, peribahasa, dan unsur semantik dalam nahu (S. Nathesan, 2001). Berdasarkan pendapat Chaer (2013) dalam artikel Desih Pratiwi et. al (2018), makna dalam semantik terbahagi kepada beberapa jenis iaitu makna leksikal, gramatikal, referensial, bukan referensial, denotatif, konotatif, istilah, konseptual, asosiatif atau kiasan, idiomatik, peribahasa, kolusi, dan perlokasi.

Manakala, menurut Faridah Nazir dan Faiziah Shamsudin (2016) pula, kelas makna terbahagi kepada makna leksikal (makna langsung, makna kiasan), makna struktural (makna gramatikal, makna tematis) makna langsung (makna umum, makna khusus) dan makna kiasan (makna konotatif, afektif, stilistik, reflektif, kolokatif dan idiomatik). Berdasarkan kajian ke atas puisi Panggilan-Mu yang Suci ini, pengkaji hanya fokus kepada empat jenis makna sahaja, iaitu:

### **1. Kiasan**

Menurut Chaer (1994), penggunaan kiasan digunakan sebagai penentangan daripada makna sebenar yang ingin disampaikan. Maka, semua bentuk bahasa sama ada kata frasa mahupun ayat tidak merujuk pada erti sebenar.

### **2. Referensial / Rujukan**

Faridah Nazir dan Faiziah Shamsudin (2016) berpendapat bahawa rujukan merupakan makna yang mempunyai rujukan atau acuannya. Misalnya apabila memperkatakan tentang sesuatu perkataan seperti pensil, seseorang dapat merujuk kepada objek pensil seperti yang dikatakan. Semua perkataan yang memiliki rujukan seperti pensil atau perkara abstrak seperti gembira dan geram yang memiliki rujukan tergolong dalam makna rujukan. Walaupun perkataan gembira dan geram bersifat abstrak tetapi kedua-duanya dapat dilihat berdasarkan tutur kata atau riak wajah seseorang. Manakala, perkataan yang tidak tergolong dalam makna rujukan pula ialah serta, dengan, imbuhan dan partikel seperti *mem*, *ber*, *-lah*, *-kah* dan sebagainya yang tidak mempunyai sebarang rujukan dalam konteks.

### **3. Gramatikal**

Gramatikal merupakan tatabahasa dan makna yang wujud disebabkan proses gramatikalnya. Abdullah Yusof (2009) berpendapat bahawa gramatikal merupakan kajian makna yang hadir daripada proses gramatikal seperti pengimbuhan, penggandaan serta pemajmukan. Menurut Faridah Nazir dan Faiziah Shamsudin makna gramatikal adalah berdasarkan contoh berikut; perkataan *lari*, jika ditambah awalan *ber-* akan membawa pengertian melakukan aktiviti berlari, manakala jika mendapat imbuhan apitan *pe-...-an*, bermaksud pelarian iaitu orang yang melarikan diri dari sebuah kawasan.

### **4. Leksikal**

Leksikal ialah makna yang terdapat dalam kamus atau makna perkataan yang terlepas daripada hubungannya dengan perkataan lain dalam ayat. Faridah Nazir dan Faiziah Shamsudin (2016) menjelaskan makna leksikal sebagai unsur bahasa yang menjadi lambang peristiwa dan benda atau dalam erti kata lain merujuk kepada perkataan atau

perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa dan makna sesuatu perkataan itu sendiri tanpa melihat penggunaannya dalam ayat. Namun, makna leksikal bergantung kepada konteks sesuatu budaya.

## PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Anis Sabirin (1973) berpendapat bahawa puisi dan bahasa mempunyai hubungan yang erat kerana sebuah puisi itu terbentuk daripada susunan bahasa yang bertujuan untuk menghasilkan bunyi menarik dan menyampaikan sesuatu amanat dengan lebih bermakna dan bijaksana. Justeru, seorang patriot yang mempunyai semangat juang yang tinggi enggan melihat Sarawak dijajah seperti Rosli Dhoby telah menulis sebuah puisi demi meluahkan perasaannya serta mengajak anak muda seusia dengannya untuk bangkit berjuang demi tanah air tercinta.

Menerusi kajian makna terhadap puisi Panggilan-Mu yang Suci, berikut merupakan analisis menggunakan teori semantik:

*Wahai pemuda harapan bangsa*

| Kata           | Jenis Makna | Analisis  |
|----------------|-------------|---|
| Wahai          | leksikal    | Penulis menggunakan perkataan 'wahai' untuk menarik perhatian atau sebagai permulaan untuk memberikan peringatan. |
| pemuda         | gramatikal  | Menggambarkan lelaki yang masih belum tua   |
| harapan bangsa | kias        | Diharapkan dapat menerajui dan menjadi pemimpin kepada tanah air  |

### Rumusan:

Wahai pemuda harapan bangsa merujuk kepada seruan daripada penulis agar generasi muda bangkit melakukan sesuatu atau berjuang mempertahankan tanah air.

*Segeralah bangun membuatkan jasa*

| Kata      | Jenis Makna | Analisis  |
|-----------|-------------|---|
| Segeralah | leksikal    | Permintaan agar bertindak dengan cepat melakukan sesuatu                                      |
| bangun    | kias        | Perkataan /bangun/ bermaksud beredar dari tempat tidur namun dalam konteks puisi ini /bangun/ |

|            |            |  |
|------------|------------|--|
|            |            | ialah bangkit dan bertindak melakukan perubahan                                      |
| membuatkan | gramatikal | Melaksanakan, menjalankan  |
| jasa       | leksikal   | Perbuatan baik demi mempertahankan tanah air atau menyatakan kesetiaan kepada negara |

**Rumusan:**

Segeulah bangun membuatkan jasa menunjukkan ajakan penulis kepada generasi muda untuk melakukan sesuatu dan berbakti kepada tanah air.

*Kebangunanmu menyedarkan Melayu bangsa*

| Kata         | Jenis Makna | Analisis   |
|--------------|-------------|--|
| Kebangunanmu | leksikal    | Sedar akan kedudukan diri sendiri                                    |
| menyedarkan  | gramatikal  | Membuatkan seseorang mengerti dan memahami                           |
| Melayu       | leksikal    | Bangsa asal yang mendiami kepulauan Melayu                           |
| bangsa       | leksikal    | Kelompok yang mempunyai asal-usul, bahasa dan ciri fizikal yang sama |

**Rumusan:**

Kebangunanmu menyedarkan Melayu bangsa bermaksud anak muda yang bangkit untuk berbakti pada tanah air secara tidak langsung turut membangkitkan semangat rakyat yang lain untuk berkorban demi negara tercinta.

*Wahai pemuda bercita suci*

| Kata    | Jenis Makna | Analisis  |
|---------|-------------|---|
| Wahai   | leksikal    | Penulis menggunakan perkataan 'wahai' untuk menarik perhatian atau sebagai permulaan untuk memberikan peringatan. |
| pemuda  | gramatikal  | Menggambarkan lelaki yang masih belum tua.  |
| bercita | gramatikal  | Mempunyai cita-cita, menyimpan hasrat dan harapan.  |
| suci    | kias        | Perkataan /suci/ sebenarnya bermaksud tidak dicemari najis namun dalam konteks puisi ini                          |

---

/suci/ ialah tidak ada unsur yang tidak baik - demi mempertahankan tanah air.

---

**Rumusan:**

Wahai pemuda harapan bangsa merujuk panggilan penulis kepada generasi muda yang seharusnya ada impian dan cita-cita untuk mempertahankan dan menjaga tanah air.

---

*Kekalkan Sarawak negara kita yang asli*

| Kata           | Jenis Makna | Analisis                       |
|----------------|-------------|--------------------------------|
| Kekalkan       | gramatikal  | Terus wujud                    |
| Sarawak        | leksikal    | Negeri Bumi Kenyalang          |
| negara         | leksikal    | Ibu pertiwi                    |
| kita yang asli | leksikal    | Hal yang bersifat seperti asal |

---

**Rumusan:**

Kekalkan Sarawak negara kita yang asli merujuk pesanan penulis supaya anak muda mengekalkan dan menjaga khazanah yang dimiliki negeri Sarawak.

---

*Meskipun bagaimana ancaman terjadi*

| Kata      | Jenis Makna    | Analisis                         |
|-----------|----------------|----------------------------------|
| Meskipun  | non-refrensial | Menyatakan hal yang bertentangan |
| bagaimana | leksikal       | Bertanya tentang cara melakukan  |
| ancaman   | gramatikal     | Sesuatu yang mendatangkan bahaya |
| terjadi   | leksikal       | Berlaku                          |

---

**Rumusan:**

Meskipun bagaimana ancaman terjadi merujuk pesanan penulis kepada anak bangsa untuk tetap menjaga ibu pertiwi walau apa rintangan dan anasir yang mendekat.

---

*Hendaklah sehidup semati*

| Kata      | Jenis Makna | Analisis                 |
|-----------|-------------|--------------------------|
| Hendaklah | leksikal    | Tidak boleh tidak        |
| sehidup   | leksikal    | Terus bernyawa bersama   |
| semati    | leksikal    | Sama-sama tidak bernyawa |

---

**Rumusan:**

Hendaklah sehidup semati bermaksud berganding bahu menjaga tanah air tercinta supaya tidak tergadai.

*Mengibarkan bendera menggambarkan hati*

| Kata          | Jenis Makna | Analisis  |
|---------------|-------------|---|
| Mengibarkan   | gramatikal  | Memasang  |
| bendera       | leksikal    | Kepingan kain berbentuk segi empat lambang sebuah negara / negeri |
| menggambarkan | gramatikal  | Melambangkan  |
| hati          | leksikal    | Tempat menyimpan keinginan, perasaan                              |

**Rumusan:**

Mengibarkan bendera menggambarkan hati bermaksud bendera yang berkibaran menunjukkan nilai kebebasan, pengorbanan, dan kebanggaan terhadap tanah air kerana kemerdekaan yang dimiliki.

*Menunjukkan rupa bangsa dan negeri*

| Kata              | Jenis Makna | Analisis   |
|-------------------|-------------|--|
| Menunjukkan       | gramatikal  | Menggambarkan  |
| rupa              | leksikal    | Bentuk atau sifat  |
| bangsa dan negeri | leksikal    | Kelompok yang mempunyai asal-usul, bahasa dan ciri fizikal yang sama |

**Rumusan:**

Menunjukkan rupa bangsa dan negeri membawa pengertian dari frasa sebelum ini bahawa kebanggaan mengibarkan panji menggambarkan sifat bangsa yang bangga terhadap tanah airnya.

*Mengenangkan hak di tanah air sendiri*

| Kata         | Jenis Makna | Analisis                                   |
|--------------|-------------|--|
| Mengenangkan | gramatikal  | Menghargai                                 |
| hak          | leksikal    | Sesuatu yang menjadi kepunyaan             |
| di tanah air | leksikal    | Tempat dilahirkan                          |
| sendiri      | leksikal    | Kepunyaan orang atau sesuatu yang tertentu |



**Rumusan:**

Mengenangkan hak di tanah air sendiri bermaksud sebagai bangsa yang merdeka kita perlu menghargai tanah tumpah darah yang telah menjadi hak kita dan sewajarnya dipertahankan.

*Wahai pemuda yang bersemangatkan gelisah*

| Kata           | Jenis Makna | Analisis   |
|----------------|-------------|--|
| Wahai          | leksikal    | Penulis menggunakan perkataan 'wahai' untuk menarik perhatian atau sebagai permulaan untuk memberikan peringatan |
| pemuda         | gramatikal  | Menggambarkan lelaki yang masih belum tua  |
| bersemangatkan | gramatikal  | Mempunyai dorongan mencapai sesuatu  |
| gelisah        | Leksikal    | Kebimbangan  |

**Rumusan:**

Wahai pemuda bersemangatkan gelisah membawa pengertian penulis menyeru anak muda agar bangkit dengan semangat waja dan hapuskan rasa gentar di dalam hati.

*Insafilah pada perjuangan bangsa*

| Kata       | Jenis Makna    | Analisis   |
|------------|----------------|--|
| Insafilah  | leksikal       | Menyeru orang lain untuk sedar akan kesalahan serta punyai keinginan untuk membaikinya |
| pada       | non-refrensial | Lingkungan sesuatu   |
| perjuangan | gramatikal     | Perbuatan untuk berlawan   |
| bangsa     | leksikal       | Kelompok yang mempunyai asal-usul, bahasa dan ciri fizikal yang sama                   |

**Rumusan:**

Insafilah pada perjuangan bangsa bermaksud, penulis memberi nasihat kepada anak muda yang masih ada rasa gentar untuk bangkit demi memperjuangkan yang sepatutnya.

*Lambat-bangat ditakdir Allah*

| Kata   | Jenis Makna | Analisis                    |
|--------|-------------|-----------------------------|
| Lambat | leksikal    | Mengambil masa yang panjang |

|          |            |   |
|----------|------------|---|
| bangat   | leksikal   | Kejadian                                  |
| ditakdir | gramatikal | Apa saja yang telah ditentukan oleh Tuhan |
| Allah    | leksikal   | Tuhan yang Esa                            |

**Rumusan:**

Lambat -bangat ditakdir Allah bermaksud biarpun mengambil masa yang panjang untuk mencapai kemerdekaan, kerana semuanya telah ditentukan oleh Allah.

*Bangsa dan tanah air tetap Merdeka*

| Kata          | Jenis Makna | Analisis   |
|---------------|-------------|--|
| Bangsa        | leksikal    | Kelompok yang mempunyai asal-usul, bahasa dan ciri fizikal yang sama |
| tanah air     | leksikal    | Tempat dilahirkan  |
| tetap merdeka | leksikal    | Pasti bebas  |

**Rumusan:**

Bangsa tanah air tetap merdeka bermaksud menyambung frasa sebelumnya walaupun mengambil masa yang panjang kerana semuanya telah ditentukan Allah, namun pada akhirnya pasti jua kemerdekaan akan dapat dicapai.

**KESIMPULAN**

Analisis makna dalam puisi Panggilan-Mu yang Suci nukilan nasionalis Bumi Kenyalang, Rosli Dhoby telah dikaji menerusi aspek kajian dalam ilmu semantik yang menilai dari sudut makna kiasan, refrensial, gramatikal dan leksikal. Menerusi kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa puisi ini banyak menggunakan jenis makna leksikal iaitu makna terus yang terdapat dalam kamus berbanding dengan jenis makna yang lain. Hal ini bermaksud bahawa, puisi ini ditulis dengan menggunakan ayat yang jelas, kurang kiasan dan bukannya penuh dengan gaya bahasa sastera seperti kebanyakan puisi sepatutnya. Pengkaji juga mendapati puisi ini hanya menggunakan beberapa perkataan kiasan iaitu perkataan yang tidak membawa pengertian sebenar sesuatu perkataan seperti /bangun/, /suci/ dan /harapan bangsa/.

Setelah diteliti, puisi garapan Rosli Dhoby ini merupakan seruan daripada beliau terhadap anak muda supaya terus bangkit memperjuangkan kemerdekaan dan mempertahankan tanah air daripada terus berada dalam belenggu penjajah. Sebagai seorang yang memiliki semangat patriotisme yang tinggi sehingga sanggup mengorbankan nyawanya sendiri, menerusi puisi yang ditulis oleh beliau ini jelas menunjukkan harapan beliau agar anak muda juga mempunyai semangat yang sama kerana generasi muda merupakan tonggak kemajuan masa depan negara.

## RUJUKAN

- Abdullah Yusof (2009). *Semantik dan pragmatik Bahasa Melayu*. Rawang: Pustaka Salam.
- Alpiah, S. & Wikanengsih, W (2019). Penerapan metode Inkuiri dalam pembelajaran menulis puisi siswa SMK: *Parole (Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia)*, 2(2), 215-218.
- Anis Sabirin. (1973). *Mengenal puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian. Pelajaran Malaysia.
- Arbaie Sujud et.al. (2011). *Sastera Melayu Suatu pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Chaer, A. (2003). *Linguistik umum*. Jakarta: PT. Asdi Mahasatya.
- Chaer, A. (2013). *Pengantar semantik bahasa Indonesia*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Dede Siti Fatimah et.al. (2019). Analisis makna pada puisi 'Kamus Kecil' karya Joko Pinorba menggunakan pendekatan simiotika, *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastera Indonesia*, 2 (5), 701-705.
- Desih Pratiwi et.al. (2018). Analisis semantik pada puisi 'Cintaku Jauh di Pulau' karya Chairil Anwar, *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1 (2), 183-194.
- Faridah Nazir & Faizah Shamsudin. (2016). *Semantik dan peristilahan bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Sabadi Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Perdana. (2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan, S. (2001). *Makna dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazir, F. et.al (2016). *Semantik dan peristilahan: Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim. (2011). *Tatabahasa dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pardosi, W. Tiflatul, H. (2021). Analisis semantik pada puisi-puisi Mustofa Bisri, *Jurnal Manajemen Bisnis (JMB)*, 34 (1), 324-334.
- Pradopo, R. (2010). *Pengkajian puisi*. Yogyakarta: Gajah Mada Universiti Press

Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan istilah sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Waluyo, Herman J. (2002). *Pengkajian sastra rekaan*. Salatiga: Widya Sari Press.